

KEFAHAMAN KELAKUAN DELINKUEN DAN PENGGUNAAN TELEFON PINTAR

[AN INSIGNT INTO THE BEHAVIOR OF JUVENILE DELINQUENCY IN RELATION TO SMART PHONE UTILIZATION]

ATIQAH ABD RAHIM^{1*} & NORASMAH OTHMAN¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: p111826@siswa.ukm.edu.my

Received: 10 May 2024

Accepted: 14 June 2024

Published: 28 July 2024

Abstrak: Peranti telefon pintar menjadi prioriti yang tidak dapat dinafikan di serata dunia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan telefon pintar dan tahap pengetahuan delinkuen dalam kalangan Murid Tingkatan Empat di Daerah Tanah Merah, Kelantan. Tumpuan kajian adalah untuk melihat beberapa aspek iaitu status pemilikan telefon pintar, tujuan penggunaan telefon pintar, kesan penggunaan telefon pintar dan tahap pengetahuan delinkuen. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dengan 80 orang dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian ini berpandukan kepada jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan. Soal selidik berkaitan tahap penggunaan telefon pintar dan tahap pengetahuan delinkuen dijalankan dengan memanfaatkan aplikasi Google Form yang dilakukan di atas talian. Data-data yang diperolehi telah dianalisis secara kritis bagi mencapai objektif yang dijalankan. Perisian Stastical Package For Social Science bagi menganalisis data. Hasil analisis mendapati penggunaan telefon pintar dan kefahaman delinkuen murid berada pada skor min yang sederhana. Justeru kajian ini menyimpulkan bahawa aplikasi telefon pintar berpotensi untuk meningkatkan lagi kefahaman murid berkenaan telefon pintar dengan menggunakan variasi alternatif daripada semua pihak.

Kata Kunci: peranti elektronik, telefon pintar, murid, dan pengetahuan delinkuen.

Abstract: Smartphone devices are an undeniable priority around the world. The purpose of this study is world. The purpose of this study is to identify the level of smartphone use and the level of delinquent knowledge among the Form Four pupils in Tanah Merah District, Kelantan. The focus of the study is to look at the several aspects, such as the status of the smartphone ownership, the purpose of using a smartphone and the level of delinquent knowledge. This study uses a descriptive method with 80 pupils selected as a study sample. The sample selection for this study was based on Krejcie and Morgan's sample size table. Questionnaires related to the level of smartphone usage and the level of knowledge of delinquents were conducted using the Google Form application that was conducted online. The data obtained has been analyzed critically to achieve the objectives carried out. Statistical Package For Social Science (SPSS) software used to analyze data. The results of the analysis found out that the use of the smartphones and the understanding of student delinquency were at the moderate mean score. In conclusion, smartphone applications have the potential to further improve student's knowledges of smartphones by using alternative variations from all sides.

Keywords: electronic devices, smartphones, pupils, and delinquent knowledge.

Cite This Article:

Atiqah Abd Rahim & Norasmah Othman. (2024). Kefahaman Kelakuan Delinkuen dan Penggunaan Telefon Pintar [An Insight Into The Behavior of Juvenile Delinquence in Relation to Smart Phone Utilization]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(2), 43-60.

PENGENALAN

Delinkuen atau gejala juvana merupakan salah satu isu global yang memberikan natijah yang negatif kepada masa depan remaja (Li et al., 2022; Mikaela, Jared & John, 2020; Rosmadi, 2015). Kenakalan remaja (*juvenile delinquency*) merupakan penyakit sosial yang kian meruncing di serata dunia (Dubey et al., 2022). Muhammad Akram (2024) menjelaskan bahawa angka semasa menunjukkan jumlah populasi banduan di Penjara Malaysia adalah seramai 42 284 sehingga 100 000 orang yang mana melebihi daripada kapasitinya. Jumlah angka ini dicatatkan sebagai kadar kes yang tinggi. Terdapat variasi delinkuen sosial yang melibatkan murid sekolah, baik dalam kategori masalah ringan maupun masalah yang berada pada tahap yang berat. Antara salah laku ringan yang termasuk dalam senarai ciri-ciri delinkuen adalah gejala ponteng sekolah, datang, ponteng kelas, dan melanggar peraturan sekolah (Hoeben et al., 2020; Rosmadi, 2015). Manakala sikap delinkuen yang dinisbahkan sebagai berkadar sederhana pula adalah seperti melawan guru, menghisap rokok, merempit, gensterisme dan buli (Aisyah Humairak et al., 2021). Namun permasalahan yang dianggap ringan dan sederhana ini mampu mengheret murid kepada masalah delinkuen yang lebih serius seperti pergaulan seks bebas, mengandung, melahirkan anak luar nikah, pembuangan bayi, penagihan dadah dan rogol yang dilaporkan hampir setiap hari di paparan media sosial (Cain, 2020; Heng, 2020; Alderman & Breuner, 2019).

Senario pertambahan masalah sosial turut dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti pengabaian sewaktu usia kanak-kanak, penderaan psikologi, fizikal, dan mental serta kerap menyaksikan aksi keganasan (Almeida & Pires, 2023; Heng, 2020). Faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan gejala sosial adalah telefon pintar kerana alat elektronik ini merupakan prioriti dan dimiliki oleh murid alaf 21 (Amirul Asyraf, 2020). Telefon pintar turut dikaitkan dengan aspek penggunaannya yang seolah-olah mempengaruhi akhlak golongan remaja. Isu delinkuensi ini sememangnya tidak harus dipandang ringan kerana secara amnya, konsep delinkuensi mengarah kepada perilaku remaja atau kanak-kanak yang berlawanan dengan sistem perundangan sesebuah negara (Mohammad Rahim, 2021). Walaupun undang-undang kebijakan khusus untuk melindungi kanak-kanak telah diwujudkan, peningkatan pesalah juvana di seluruh negara tetap meningkat saban tahun (Garg & Sharma, 2020). Keperluan kepada segala bentuk usaha ini dinilaikan penting sebagai sinergi yang lebih mapan untuk bergerak secara bersama demi mengawal aspek watak murid yang mempunyai ciri-ciri delinkuen yang perlu ditangani segera (Nurul Husna & Zirwatul Aida, 2022; Khairul Anwar, 2020).

Bibit-bibit yang menjurus kepada gejala delinkuen perlu dikedepankan sebagai permasalahan yang perlu dicegah dengan lebih awal kerana ia lebih utama daripada langkah rawatan (Aisyah Humairak, Mariam & Nurzatil, 2022). Ida Lestari (2021) telah memberikan telahan bahawa isu delinkuen adalah berpunca daripada pemikiran manusia. Fitrah insani mengakui bahawa manusia berkebolehan untuk berfikiran rasional dan tidak rasional dalam

masa yang sama. Kecelaruan fikiran mengenai sikap yang rasional dan sebaliknya perlu difahamkan kepada para murid terlebih dahulu agar minda mereka dapat dicernakan sebaiknya bagi menilai antara perbuatan yang baik dan buruk sebelum bertindak melakukannya (Ahmad Yusuff, Fakhru Adabi & Hasbullah, 2020). Faktor secara individual mempunyai korelasi dengan latar belakang keluarga, pertumbuhan ekonomi, Pendidikan agama dan situasi sosial yang didiami oleh seseorang murid (Mohammad Akram, 2024; Fauzah Hanis dan Rohaizat, 2023).

Segala bentuk metodologi pendidikan dan penekanan akan merangsang sistem kawal selia secara kendiri bagi diri remaja itu sendiri. Meskipun faktor lain seperti latar belakang keluarga seperti trauma sewaktu kanak-kanak juga berpotensi membentuk watak delinkuen tatkala tumbuh menjadi remaja (Williams, 2020). Namun, pengisian jiwa yang baik juga menyumbang ke arah pengurangan kadar kebejatan sosial delinkuen daripada terus berlaku. Maka, atas dasar kepentingan ummah dan demi menghargai para remaja Melayu yang beragama Islam, penulisan dan pengkajian terhadap implikasi telefon pintar ke arah peningkatan peribadi pelajar berkelakuan delinkuen dijalankan.

PENYATAAN MASALAH

Fasa keremajaan dinisbahkan sebagai proses mengenali identiti diri yang sarat dengan kecelaruan emosi dan rendahnya aspek pengawalan diri. Ciri-ciri seumpama ini mempengaruhi akhlak remaja sehingga mudah terjebak ke dalam kencah perilaku delinkuen (Bella Pratiwi et al., 2020). Sekiranya dihubungkaitkan dengan ilmu psikospiritual Islam, masalah kurangnya pengawalan diri berpunca daripada sikap yang wujud dalam diri remaja seperti *al-halu'* (keluh kesah), *hub al-dunya* (cinta dunia), hasad dan sebagainya (Ahmad Fakhruzzai et al., 2023). Kehendak seperti ini telah mempengaruhi remaja yang masih lagi di bangku persekolahan untuk terlibat dengan permasalahan delinkuen (Mohd Alif et al. 2022; Norfadilah, 2010).

Selain masalah kecelaruan jiwa yang berpunca daripada peralihan fasa keremajaan, masalah kecanduan terhadap telefon pintar juga menjadi penyebab kepada penglibatan remaja dalam perilaku delinkuen (Anisa Hasna et al., 2021). Berpandukan data yang dikeluarkan oleh *Date Reportal: Global digital Insight* (2023), sejumlah 26.8 juta iaitu 78.5% daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia telah mengakses media sosial. Manakala aplikasi *Whatssapp*, *Facebook* dan *Instagram* pula berada pada kedudukan statistik yang tertinggi dengan jumlah peratusan sebanyak 93.2%, 88.7% dan 79.3% (Muhammad Adil, 2023). Kadar peratusan yang tinggi bagi penggunaan aplikasi ini telah memudahkan komunikasi antara remaja. Sekali gus, mengimplimantasikan pelbagai salah laku delinkuen dapat dilakukan dengan lebih mudah. Meskipun akses telefon pintar digembar-gemburkan sebagai interaktif ke arah pembelajaran digital, namun rata-rata pelajar telah menggunakan ke arah keseronokan semata-mata. Malahan, tanpa sedar sebilangan besar daripadanya telah menyalahgunakan kecanggihan telefon pintar sehingga merosakkan akhlak mereka sendiri (Dayang Suaad et al., 2022; Yokhanah, 2021).

Rentetan daripada permasalahan tersebut, maka objektif kajian telah dibina iaitu:

1. Mengenal pasti tahap penggunaan telefon pintar dalam kehidupan Murid Tingkatan Empat di Sekolah Menengah dalam Daerah Tanah Merah, Kelantan.
2. Mengenal pasti tahap kefahaman Murid Tingkatan Empat mengenai jenis-jenis tingkah laku yang dikategorikan sebagai delinkuen di Sekolah Menengah dalam Daerah Tanah Merah, Kelantan.

Objektif ini diterbitkan berikutan masalah ketagihan terhadap telefon pintar yang serius dalam kalangan murid sekolah menengah (Anisa Hasna et al., 2021; Manisah & Shin, 2020). Di samping itu masalah kepelbagaian kelakuan delinkuen yang wujud dan sering dilakukan oleh murid yang masih di bangku sekolah menengah juga masih kurang dikaji oleh penyelidik sebelum ini (Mohammad Akram, 2024; Sunshen et al., 2021). Bahkan, masalah rendahnya tahap pengetahuan murid mengenai ciri-ciri kelakuan yang diklasifikasikan sebagai delinkuen juga menjadi salah satu matlamat agar kajian yang lebih terkini perlu diteruskan (Nik Rosila, 2021; Aimi Dalila & Mashira, 2018).

PENGARUH TELEFON PINTAR SEHINGGA MENJURUS KEPADA KELAKUAN DELINKUEN

Remaja merupakan individu yang berada pada peralihan fasa yang berisiko tinggi untuk mengalami gangguan tingkah laku, kenakalan dan keganasan, baik sebagai pelaku maupun mangsa (Abdul Karim et al., 2023; Aida Aisyah & Anuar, 2023; Alderman & Breuner, 2019). Jambatan peralihan dari umur kanak-kanak kepada golongan remaja merangkumi fasa pencapaian dan perkembangan yang berbeza dan unik. Alam remaja yang agak sukar dan mencabar ini ditambah pula dengan kemunculan teknologi yang berjaya mendominasi masa berharga remaja dengan melayari laman sesawang yang tidak berfaedah (Aida Nasirah et al. 2022). Walhal period masa remaja adalah sangat berharga kerana perkembangan kognitif, fizikal, seksual, dan psikososial yang stabil adalah jaminan agar golongan remaja berjaya menjadi seorang dewasa yang sihat (Irola & Kalifia, 2024; Ahmad Zubir, Norzalinda, & Md Zawawi, 2020).

Pola pendidikan dan pengisian pada peringkat remaja akan menentukan keterampilan diri serta sikapnya dalam kehidupan sehari-hari. *Golden age* atau masa keemasan sewaktu remaja atau tatkala berstatus murid sekolah tidak harus dipersiakan dengan hanya menjadi mangsa kepada media digital semata-mata (Iwan, Mubarok, Suklani, 2024; Muslihin, Rahman, Rosyani, 2022; Blanhcet et al., 2021). Hal ini demikian kerana telefon pintar menjadi salah satu punca kepada tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja dasawarsa ini (Mahanta & Mohan, 2023; Mohd Manawi & Nurul Shuhadah, 2023; Sunshen et al., 2021; Ezarina & Norulhuda, 2019). Menerusi medium canggih iaitu telefon pintar, semua akses maklumat & informasi yang bersifat terkini atau *trending* sehingga ia menjadi alat yang bersifat kebergantungan atau aksesibiliti terhadapnya (Mohd Alif et al., 2022). Namun hal yang menggusarkan terhadap golongan murid adalah apabila berlaku keperluan terhadap telefon pintar yang terlalu tinggi yang akhirnya menjerumuskan mereka ke arah penyimpangan akhlak seperti kelakuan delinkuen (Yokhanah, 2021; Absha Atiah & Mohd. Isa, 2019; Ezarina & Norulhuda, 2019).

PENGGUNAAN TELEFON PINTAR DALAM KALANGAN MURID

Penggunaan alat elektronik seperti telefon pintar yang sudah dianggap biasa dalam kalangan manusia telah menjadikan murid terikat kepadanya. Rutin kehidupan manusia yang banyak bersangkut-paut dengan telefon pintar telah meletakkan telefon pintar sebagai alat penting yang harus dimiliki oleh semua peringkat usia (Fauzah Hanis & Rohaizat, 2023; Nur Sri, 2021; Nurul Najwa & Atini, 2020; Nurul Amalina, 2016). Berikutnya manfaat telefon pintar yang sangat vital dalam memberikan kemudahan kepada segenap lapisan masyarakat, termasuklah golongan remaja telah menatijahkan penggunaan telefon pintar pada tahap yang maksima. Tahap kesedaran dan pengawalan terhadap pengaplikasian telefon pintar yang rendah dalam kalangan murid secara khususnya akan menjelaskan pola kesejahteraan murid. Antara empat pola kesejahteraan tersebut termasuklah aspek kesihatan, sosial, tingkah laku dan pendidikan (Almeida & Pires, 2023; Alif et al., 2022; Nurul Husna & Zirwatul Aida, 2022; Manisah & Shin, 2020; Aimi Dalila & Mashira 2018; Nurul Amalina, 2016).

Tahap pemilikan telefon pintar yang semakin mudah dan merangkumi sebilangan besar murid sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Keperluan peranti elektronik seperti telefon pintar ini dinilaikan sebagai penyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik kepada murid. Namun, batas pengaplikasian telefon pintar yang holistik telah memberikan kesan yang lebih negatif berbanding positif (Azwan et al., 2024; Aida Aisyah & Anuar, 2023; Fauzah Hanis & Rohaizat, 2023; Alif et al., 2022; Mazulizam, 2016). Hal ini berikutan kadar akses telefon pintar yang sangat kerap dapat dilihat menerusi rujukan oleh Belle Wong dan Buttorf (2023) memaparkan kira-kira 145 minit sehari telah dihabiskan bagi melayari media sosial sehari. Jelaslah bahawa tempoh masa akses kepada laman sesawang yang tinggi sangat memberi kesan kepada cara murid memanfaatkan luangan masa saban hari (Fauzah Hanis & Rohaizat, 2023). Halimaton Sa'adiah, Shaharudin & Zul Hilmi, 2023). Natijahnya adalah dapatan kajian telah memaparkan aspek tingkah laku murid yang lebih negatif berbanding positif kesan daripada penggunaan telefon yang tidak terkawal. Perkara yang lebih membimbangkan adalah sikap negatif yang berlaku termasuklah perbuatan-perbuatan delinkuen (Alif et al., 2022; Yokhanah, 2021; Mazulizam, 2016).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah ini dipilih kerana ia adalah kaedah yang paling sesuai bagi mencapai objektif dan membuktikan hipotesis kajian (Abdullah Sukor, 2022; Chua, 2016; Hua, 2016). Pengkaji telah memilih Sekolah Menengah dalam Daerah Tanah Merah, Kelantan sebagai lokasi kajian dengan bersandarkan beberapa faktor dan sebab. Antaranya berikutan kerana Sekolah Menengah dalam Daerah Tanah Merah terdiri daripada murid-murid yang menetap di luar bandar dan belum pernah dijadikan Lokasi kajian oleh pengkaji sebelum ini (Mohd. Nuri, 2016). Pemilihan sampel kajian dispesifikasi kepada Murid Tingkatan Empat sahaja. Pemilihan Murid Tingkatan Empat ini berdasarkan justifikasi bahawa kumpulan murid ini telah berada di peringkat sekolah menengah selama tempoh yang dikategorikan sebagai matang dan sesuai dalam mengelurkan pandangan dengan baik (Jamal & Wan Hanum, 2016; Che Nidzam, Lilia & Kamisah, 2010). Responden

yang dipilih bagi kajian ini berdasarkan persampelan bertujuan. Seramai 30 orang Murid Tingkatan Empat dalam daerah Tanah Merah dipilih bagi kajian rintis. Populasi adalah seramai 100 orang, manakala 80 orang murid dipilih sebagai sampel kajian dengan berpandukan kepada jadual penetuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik dengan memanfaatkan alternatif *Google Form* yang dipilih sebagai prakarsa yang efektif bagi menjalankan kajian ini. Penggunaan *Google Form* yang dilakukan di atas talian telah menggantikan soal selidik yang perlu diedarkan secara manual. Namun ia tetap membantu bagi mendapatkan data yang diperlukan dalam penyelidikan (Aida Aisyah & Anuar, 2023; Ahmad Al-Munzir, Nor'Azzah & Zulkifli, 2022; Ghazali & Sufean, 2018). Soal selidik ini mengandungi lima bahagian, iaitu A, B, C, D dan E. Instrumen yang digunakan bagi mengukur tahap kecenderungan tingkah laku delinkuen murid dalam kajian ini telah diadaptasi daripada set soal selidik yang telah dibangunkan oleh pengkaji yang terdahulu. Item soal selidik bagi bahagian A merupakan demografi responden, manakala bahagian B, C, dan D diadaptasi daripada soal selidik oleh Mohamed Hamdan, Mohd Zamri, dan Suhaily (2022) serta Nurul Amalina (2016).

Seterusnya, item soal selidik bagi bahagian E pula diadaptasi daripada kajian oleh Ruhaiza (2021), Buerah, Hamimah dan Shanah (2015), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2013), Badrulzaman Baharom (2007) dan Glover (1997). Dalam soal selidik ini, responden memilih jawapan dengan menandakan salah satu daripada empat nombor, iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Setuju) dan 4 (Sangat Setuju). Pemilihan skala likert ini adalah bersesuaian dengan pandangan yang diberikan oleh responden secara berterusan dan bagi mengukur konstruk yang melibatkan amalan iaitu penggunaan telefon pintar dan pengetahuan yang melibatkan kefahaman responden mengenai ciri-ciri kelakuan delinkuen (Mohd. Zaki & Sarimah, 2021 Budiaji, 2013). Sebelum kajian lapangan dilaksanakan, instrument kajian perlu ditentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Untuk kajian rintis telah dilaksanakan dengan melibatkan 30 orang responden. Hasil analisis kajian rintis, didapati kesahan adalah 0.856 dan *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan konstruk yang dibuat melalui ujian Analisis Deskriptif adalah 0.987. Nilai ini menunjukkan bahawa item boleh diterima kerana melebihi nilai 0.8 ke atas (Bond et al., 2005).

Jadual 1: Nilai Kesahan dan Kebolehpercayaan

Item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Nilai Kesahan
Status Pemilikan Telefon Pintar	0.944	0.836
Tujuan Penggunaan Telefon Pintar	0.946	0.875
Kesan penggunaan telefon pintar	0.965	0.809
Pengetahuan tentang delinkuen	0.966	0.907

(Tahap: Sangat baik dan efektif = 0.8 hingga 1.0, Baik dan boleh diterima = 0.7 hingga 0.8, Boleh diterima = 0.6 hingga 0.7, Item perlu dibaiki = <0.6, Item perlu digugurkan = <0.5).

Perisian *Statistical Package For Social Sciences 29.0* (SPSS) digunakan bagi menganalisis data. Kaedah statistik deskriptif digunakan bagi melaporkan frekuensi, peratusan,

min dan sisihan piawai. Jadual 2 melaporkan nilai skor min bagi menentukan tahap responden berdasarkan skala likert empat mata yang diadaptasi daripada Riduan (2012).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor	Tahap
1.00 - 1.50	Kurang kaitan
1.51 - 2.50	Rendah
2.51 - 3.50	Sederhana
3.51- 4.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Menerusi hasil kajian deskriptif secara keseluruhan yang dilaksanakan terhadap Murid Tingkatan Empat mendapati bahawa tahap penggunaan telefon pintar dan pengetahuan mengenai delinkuen berada pada kadar sederhana dengan nilai skor min = 2.79 (s.p = .895). Dapatkan ini jelas apabila setiap konstruk menunjukkan min antara 2.63 hingga 3.05, iaitu berada pada tahap sederhana.

Jadual 3: Tahap Penggunaan Telefon Pintar

Konstruk	Min	SP
Status Pemilikan Telefon Pintar	2.78	.807
Tujuan Penggunaan Telefon Pintar	2.63	.877
Kesan penggunaan telefon pintar	2.70	1.00
Min Keseluruhan	2.7	.895

Berdasarkan Jadual 3 juga, data menunjukkan konstruk bagi pengetahuan tentang delinkuen merupakan konstruk yang mencatatkan nilai skor min yang paling tinggi berbanding konstruk (s.p .895). Ini bermakna secara amnya, responden mempunyai pengetahuan tentang delinkuen. Maklumat terperinci terpapar pada Jadual 4.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Delinkuen

Item	Min	SP
Pengetahuan tentang delinkuen	3.05	.898

Dengan merujuk kepada Jadual 4, min dan sisihan piawai bagi pengetahuan delinkuen yang berada pada kadar sederhana iaitu di antara 2.51 hingga 3.5 (s.p .898).

Jadual 5: Pengetahuan Tentang Delinkuen

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS
		No.	No.	No.	No.
		(%)	(%)	(%)	(%)
E1	Mencuri	10 (12.5)	34 (42.5)	8 (10)	28 (35.0)
E2	Merokok	20 (2.5)	19 (23.8)	17 (21.3)	24 (30.0)
E3	Menghisap dadah	3 (3.8)	24 (30)	37 (46.3)	16 (20.0)
E4	Membuli	5 (6.3)	25 (31.3)	29 (36.3)	21 (26.3)
E5	Ponteng sekolah	2 (6.3)	22 (27.5)	33 (41.3)	20 (25.0)
E6	Datang lewat ke sekolah	2 (2.5)	25 (31.3)	26 (32.5)	27 (33.8)
E7	Menonton pornografi	2 (2.5)	28 (35.5)	25 (31.3)	25 (31.3)
E8	Berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai	5 (6.3)	28 (35)	20 (25.0)	27 (33.8)
E9	Pengabaian aspek kekemasan diri	0	30 (37.5)	17 (21.3)	33 (41.3)
E10	Vandalisme (Aktiviti merosakkan harta benda awam)	0	30 (37.5)	16 (20)	34 (42.5)
	Skor Min	3.05			
	Sisihan Piawai	.898			

Dengan merujuk kepada Jadual 5, konstruk bahagian E memaparkan nilai skor min = 3.05 ($s.p = .898$) iaitu nilai yang paling tinggi berbanding konstruk yang lain. Namun masih berada pada tahap sederhana. Item E10 (Vandalisme: Aktiviti merosakkan harta benda awam) menunjukkan peratus sangat setuju yang paling tinggi iaitu 42.5% dengan bilangan responden sebanyak 34 orang. Angka ini menggambarkan bahawa majoriti Murid Tahun Empat memahami bahawa vandalisme merupakan tingkah laku delinkuen. Antara sumber pengetahuan murid adalah telefon pintar dan amat wajar pada ‘Konstruk Tujuan Penggunaan Telefon Pintar’ meletakkan item C5 (Mendapatkan isu dan perkembangan semasa) sebagai yang kedua tertinggi. Manakala item E3 (Menghisap dadah) berada pada nilai peratus yang paling kecil iaitu 20% dengan jumlah responden seramai 16 orang. Berlaku keberangkalian

bahawa murid menisahkan kelakuan menghisap dadah sebagai kes jenayah. Akan tetapi tidak mengetahui bahawa kelakuan jenayah juga diklasifikasikan sebagai ciri-ciri delinkuen.

Jadual 6: Status Pemilikan Telefon Pintar

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS
		No.	No.	No.	No.
		(%)	(%)	(%)	(%)
B1	Saya memiliki telefon pintar.	25 (31.3)	17 (21.3)	21 (26.3)	17 (21.3)
B2	Saya memiliki lebih daripada satu telefon pintar.	5 (6.3)	19 (23.8)	24 (30.0)	32 (40.0)
B3	Saya gembira dapat memiliki gajet telefon pintar.	0	36 (45.0)	14 (17.0)	30 (37.5)
B4	Saya mempunyai gajet telefon pintar yang berangkaian servis 3G dan ke atas.	0	36 (45.0)	12 (15.0)	32 (40.0)
B5	Saya mempunyai gajet telefon pintar yang boleh membuat video.	0	39 (48.8)	12 (15.0)	29 (36.3)
B6	Saya mempunyai aplikasi perbualan dan permainan atas talian.	0	39 (48.8)	22 (27.5)	19 (23.8)
B7	Gajet telefon pintar penting bagi saya.	0	36 (45.0)	25 (31.3)	19 (23.8)
Skor Min		2.78			
Sisihan Piawai		.807			

Berdasarkan Jadual 6, item B2 (Saya memiliki lebih daripada satu telefon pintar) dan B4 (Saya mempunyai gajet telefon pintar yang berangkaian 3G dan ke atas) telah menunjukkan nilai peratus yang paling tinggi iaitu 32% dengan jumlah responden seramai 40 orang. Jawapan SS (Sangat setuju) yang dipilih oleh responden membuktikan tahap kemampuan responden untuk memiliki lebih daripada satu telefon pintar yang canggih dan mengikut trend terkini dengan rangkaian 3G dan ke atas. Kendatipun begitu, seramai 25 orang responden dengan nilai 31.3% menyatakan tidak memiliki telefon pintar secara peribadi dapat disesuaikan dengan faktor ekonomi penduduk setempat berada di luar bandar. Selain wujudnya perkongsian telefon pintar milik ibu bapa atau keluarga disebabkan peringkat umur yang masih di bangku persekolahan. Adapun peranti elektronik masa kini sudah bervariasi seperti *iPad*, *tablet* dan sebagainya turut menjadi kecenderungan murid.

Jadual 7: Kesan Penggunaan Telefon Pintar

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS
		No.	No.	No.	No.
D1	Saya tidak mampu berjauhan dengan gajet telefon pintar saya.	13 (16.3)	26 (32.5)	21 (26.3)	20 (25.0)
D2	Saya selalu melayari internet menggunakan gajet telefon pintar saya.	26 (32.5)	13 (16.3)	28 (35.0)	13 (16.3)
D3	Saya selalu bermain online games menggunakan gajet telefon pintar saya.	20 (25.0)	21 (26.3)	31 (38.8)	8 (10)
D4	Saya selalu melayari online chatting menggunakan gajet telefon pintar saya.	24 (30.0)	12 (15.0)	23 (28.7)	21 (26.3)
D5	Saya memperuntukkan masa yang banyak dengan gajet telefon pintar saya.	12 (15.0)	27 (33.0)	16 (20.0)	25 (31.3)
D6	Saya dapati majoriti rakan-rakan saya juga menggunakan telefon pintar.	24 (30.0)	15 (18.8)	14 (17.5)	27 (33.8)
D7	Saya dapati majoriti rakan-rakan saya memperuntukkan banyak masa dengan telefon pintar mereka.	14 (17.5)	25 (31.3)	12 (15.0)	29 (36.3)
D8	Saya sedar bahawa gajet telefon pintar dapat memberikan sumbangan positif jika digunakan untuk perkara yang bermanfaat.	7 (8.8)	38 (47.5)	11 (13.8)	24 (30.0)
Skor Min		27.0			
Sisihan Piawai		1.00			

Jadual 6 telah menunjukkan kesan penggunaan telefon pintar. Dari 8 item yang dinyatakan, item D7 (Saya dapati majoriti rakan-rakan saya memperuntukkan banyak masa dengan telefon pintar) mendapat nilai peratus SS (Sangat Setuju) paling tinggi iaitu 36.3% dengan jumlah responden seramai 29 orang. Dapatkan ini selaras dengan peratus persetujuan pada item D6 (Saya dapati majoriti rakan-rakan saya juga menggunakan telefon pintar) apabila mencatatkan nilai kedua tertinggi dengan 33.8% jumlah responden seramai 27 orang. Manakala item D8 (Saya sedar bahawa gajet telefon pintar dapat memberikan sumbangan positif jika digunakan untuk perkara yang bermanfaat) dengan nilai peratus 30% dan jumlah responden seramai 24 orang. Ini membuktikan bahawa telefon pintar dinilaikan sebagai penyumbang kepada kebaikan sekiranya diaplikasikan dengan sebaiknya.

Jadual 8: Tujuan Penggunaan Telefon Pintar

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS
		No.	No.	No.	No.
		(%)	(%)	(%)	(%)
C1	Aktiviti Pembelajaran.	3 (3.8)	42 (52.5)	23 (28.7)	18 (22.5)
C2	Komunikasi (panggilan telefon).	5 (6.3)	34 (42.5)	23 (28.7)	18 (22.5)
C3	Perbualan teks atau media sosial atas talian (<i>online chatting</i>).	30 (37.5)	9 (11.3)	27 (33.8)	14 (17.5)
C4	Permainan atas talian (<i>online games</i>).	24 (30.0)	12 (15.0)	28 (35.0)	16 (20.0)
C5	Mendapatkan perkembangan berita dan isu semasa.	16 (20.0)	20 (25.5)	28 (35.0)	16 (20.0)
	Skor Min		2.63		
	Sisihan Piawai		.877		

Jadual 8 bagi Item C (Tujuan Penggunaan Telefon Pintar) mencatatkan skor min = 2.63 (s.p = .877) iaitu nilai yang paling rendah berbanding konstruk yang lain. Meskipun begitu, nilai ini masih berada pada tahap sederhana. Dengan merujuk Jadual 7, kedapatan dua item yang memaparkan nilai SS (Sangat setuju) yang paling tinggi iaitu C1 (Aktiviti pembelajaran) dan C2 (Komunikasi: panggilan telefon) dengan peratus 22.5% (18 orang). Dapatan kajian ini bersifat positif kerana Murid Tingkatan Empat telah memaparkan minat dalam aktiviti pembelajaran dengan memanfaatkan penggunaan peranti elektronik seperti telefon pintar. Sedangkan item bagi C2 pula mempunyai dua kecenderungan iaitu positif dan negatif. Namun demikian, item C5 (Permainan atas talian) mencatatkan nilai peratus SS dan S (Setuju) yang paling tinggi iaitu 20% (16 orang) dan 35% (28 orang) yang dinikategorikan sebagai tinggi. Maka tidak mustahil bagi konstruk E (Pengetahuan Delinkuen) bagi item E6 (Datang lewat ke sekolah) dan E5 (Ponteng sekolah) menunjukkan pilihan jawapan SS (Sangat setuju yang tinggi) dengan nilai 33.8% (27 orang) dan 25% (20 orang). Hal ini kerana responden terlibat dengan salah laku delinkuen iaitu ponteng sekolah dan datang lewat ke sekolah kerana teleh memperuntukkan banyak masa untuk bermain permainan atas talian.

PERBINCANGAN

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti tahap penggunaan telefon pintar dan tahap pengetahuan delinkuen Murid Tingkatan Empat Daerah Tanah Merah, Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan telefon pintar Murid berada pada tahap sederhana. Maka amat wajar dapatan kajian bagi tahap pengetahuan delinkuen murid juga berada pada tahap sederhana. Hasil kajian ini membuktikan bahawa kadar penerimaan dan pengaplikasian murid terhadap telefon pintar bagi tujuan proses pencarian ilmu

pengetahuan juga berada pada tahap yang sederhana. Pernyataan ini selari dengan kajian daripada pengkaji terdahulu iaitu Harziah dan Nur Hazwani (2022), Abdul Hamid et al., (2019) dan Tuncay (2016). Nilai peratus yang tinggi pada Jadual 7, Penggunaan Telefon Pintar, bagi item C4 (Permainan atas talian) turut memperlihatkan bahawa murid menggunakan telefon pintar untuk tujuan lain yang kurang bermanfaat seperti memuat turun (*download*) permainan atas talian (*online games*). Walhal penumpuan utama murid haruslah mengarah kepada aspek yang berkaitan penambahan ilmu pengetahuan yang bersifat lokal dan antarabangsa, yang mana tidak dapat diperolehi di bilik darjah.

Namun, perlu diketahui bahawa penggunaan telefon ke arah meningkatkan tahap inkuriri dan intrisik murid terhadap pengetahuan delinkuen masih berada pada peringkat awal. Menerusi Jadual 6 (Status Pemilikan Telefon Pintar) bagi Item B7 (Gajet telefon pintar penting bagi saya) menggambarkan murid mengakui peri pentingnya pemilikan telefon pintar dalam kehidupan dengan nilai jumlah peratus bagi S (Setuju) dan SS (Sangat setuju) yang tinggi iaitu 55.1% (44 orang responden). Namun, arah pencarian maklumat tidak menjurus kepada pendidikan, terutamanya berkaitan pengetahuan delinkuen dengan sebaiknya. Kecenderungan murid yang kurang terhadap tema pendidikan, tetapi lebih berminat dengan tema hiburan mampu menjelaskan keseimbangan psikologi dan kesihatan murid secara perlahan-lahan (Abdul Karim, Hendrawati et al., 2023; Alif et al., 2022; Tekkam, Bala & Pandve, 2021; Asbah & Nurhamizah, 2019; Joyce et al., 2019). Kajian ini menunjukkan bahawa telefon pintar sememangnya telah menyumbang kepada peningkatan pengetahuan delinkuen murid. Namun, wujudnya limitasi penggunaanya dalam tatapan pendidikan. Oleh yang demikian, kajian pada masa hadapan amat digalakkan bagi melakukan transformasi dan melihat relevensi antara tahap penggunaan telefon pintar dengan tahap pengetahuan delinkuen murid.

KESIMPULAN

Hasil kajian memaparkan tahap penggunaan telefon pintar dan tahap pengetahuan tentang delinkuen Murid Tingkatan Empat yang masih berada pada tahap yang sederhana. Walaupun wujudnya kepelbagaiannya peranti elektronik seperti telefon pintar yang dapat menjadi salah satu sumber keilmuan kepada murid, namun murid tidak menguasainya dengan baik. Hal ini demi meningkatkan keintelikualan murid berkaitan topik yang bersifat terkini. Sementerian pula, Murid Tingkatan Empat bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun berikutnya. Di samping itu, agar pemilikan telefon pintar menjadi faktor berkurangnya tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja dan bukan sebaliknya. Kedapatan beberapa cadangan bagi kajian mendatang. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengetengahkan beberapa pandangan yang berupa inisiatif yang boleh disarankan kepada pihak-pihak yang berwajib sebagai Langkah penggerak agar Murid Tingkatan Empat serta golongan remaja dapat memanfaatkan penggunaan telefon pintar ke arah meluaskan ilmu pengetahuan yang berguna. Antara kajian pada masa hadapan yang boleh dijalankan adalah yang melibatkan penggunaan telefon pintar bagi mengukur tahap pengetahuan devian dalam kalangan remaja. Hal ini demikian kerana, menerusi sorotan literatur, kajian mengenai tahap pengetahuan devian masih kurang dikaji di Malaysia. Pernyataan ini disokong oleh kajian Ema dan Rasidah (2020) serta Boris et al., (2020).

RUJUKAN

- Abdul Hamid, N. F., N. S. H. & Mohd Nazri, N. S. 2019. Investigating The Perception And Acceptance Towards Smartphone And Its Application As Learning Tool Among Universiti Teknologi Mara Dental Students, *Proceeding Book Of 9TH Dental Students' Scientific Symposium*, (1), hal. 1-5.
- Abdul Karim, Hendrawati, Mustikawati & Windi Rahayu. 2023. Effective Communication On Adolescent Delinquency At SMK Jaya Buana. *Journal Of Community Engagement In Health*, 6(1): 73-78.
- Abdullah Sukor Shaari. 2022. *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif*. Sintok: Penerbit UUM Press.
- Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah. 2019. Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. 2019. *Jurnal Hadhari*, 11(1): 1-17.
- Ahmad Al-Munzir Ridzuan, Nor'Azzah Kamri dan Zulkifli Mohd Yusoff. 2022. Impak Penggunaan Media Sosial Sebagai Saluran Perhubungan Awam Islam: Analisis Kajian Rintis. *Umran: Journal Of Islamic And Civilisational Studies*, 9(3): 13-30.
- Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi, Che Zarrina Sa'ari, Hamdi Ishak, Mohd Manawi Mohd Akib, Nurul Syuhada Md Yahya & Sharifah Basirah Syed Muhsin. 2023. Masalah Spiritual Remaja Berisiko Dari Sudut Pandang Spikospiritual Islam. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(2): 1-13.
- Ahmad Yusuff, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Hasbullah Mat Daud. 2020. Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal Of Social Science And Humanities*, 17(9): 75-89.
- Ahmad Zubir Ibrahim, Norzalinda Mohd Ali Hanafiah & Md Zawawi Abu Bakar. 2020. *Pembangunan Sosial Mengikut Perspektif Islam*. Penerbit; Kedah, UUM Press (Universiti Utara Malaysia).
- Aida Aisyah Israil & Anuar Ahmad. 2023. Kesediaan Murid Terhadap Penggunaan Peranti Mudah Alih Dalam Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*, 8(4): 1-16.
- Aida Nasirah Abdullah, Liley Afzani Saidi, Nur Haffiza Rahaman, & Wan Su Emi Yusnita Wan Yusof. 2022. Kesan Teknologi Media Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologi Remaja: Satu Tinjauan Literatur Bersistematik (SLR). *Persidangan Antarabangsa Kemanusiaan Dan Sains Sosial Ke-14, ICHiSS Ke 14 2022. 19 May 2022-20 May 2022*.
- Aimi Dalila Ahmad Yatim & Mashira Yahaya. 2018. Kesan Amalan Agama Ke Atas Pelajar Delinkuen Melalui Modul Spiritual Pemantapan Sahsiah (MOPSES). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 14: 63-81.
- Aisyah Humairak Abdul Rahman, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd Majid, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraini Mohammad, Nurzatil Ismah Azizan & Zainab Ismail. 2021. Faktor Penglibatan Tingkah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur Sistematik. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(II): 12-27.
- Aisyah Humairak Abdul Rahman, Mariam Abdul Majid & Nurzatil Ismah Azizan. 2022. Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Perspektif Islam: Tinjauan Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2): 15-33.

- Alderman, E. M & Breuner, C. C. 2019. Unique Needs Of The Adolescent. *Journal Of An American Academy Of Pediatrics*, 144(6): 1-12.
- Alif Nawi, Fatin Athirah Zameran, Mat Rahimi Yusoff & Nor A'tikah Mat Ali. 2022. Meneroka Hubungan Penggunaan Telefon Pintar Terhadap Kesejahteraan Diri Remaja: Kajian Analisis Literatur Sistematis. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 46: 262-275.
- Almeida, T. C & Pires, A. R. 2023. Risk Factors Of Poly-Victimizations And The Impact On Delinquency In Youth: A Systematic Review. *Sage Journals*.
- Amirul Asyraf Norman. 2020. Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Remaja: Faktor Dan Implikasi Terhadap Sahsiah Diri Remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2): 205-215.
- Anisa Hasna Nur Ajijah, Dwi Kurnia Hidayanto, Rosid & Yulis Khoerunnisa. 2021. Pengaruh Kecanduan Telpon Pintar (Smartphone) Pada Remaja. *Journal Of Social Sciences And Politics*, 8(1): 73-79.
- Asbah Razali & Nurhamizah Hashim. 2019. Teknologi Dan Media Sosial Dalam Komunikasi Ibu Bapa Dan Anak-Anak. *Jurnal Komunikasi*, 35(4): 337-352.
- Azwan Ali, Al Bunia Arrahma, Gunawan Gunawan, Humairah Balqis & Siti Marisa. 2024. Dampak Penggunaan Smart Phone Terhadap Perilaku Sosial Siswa. *Atthiflah: Journal Of Early Childhood Islamic Education*, 11(1): 207-216.
- Badrulzaman Baharom. 2006. Persekutaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian Johor. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Belle Wong, J. D & Buttorf, C. 2023. Top Social Media Statistics And Trends Of 2023. [Top Social Media Statistics And Trends Of 2024 – Forbes Advisor](#) (diakses pada: 11 Jun 2023).
- Blanhcet, A, Delaye, A, Esposito, T & Martin, G. 2021. The Role Of Placement Instability On Employment And Educational Outcomes Among Adolescents Leaving Care. *Elsevier*, 131.
- Boris, V. I., Irina, N. Z., Lalita, A. D., Valery, O. M., Victoria, A. M., Yuri, S. Z., & Zara A M, A. 2020. Psychological And Pedagogical Prevention Of Deviant Behavior Among The Student Youth (Theory And Practice Of Domestic Studies). *EurAsian Journal Of BioSciences*, 14: 4085-4093.
- Budiaji, W. 2013. Skala Pengukuran Dan Jumlah Respon Skala Likert. *Jurnal Ilmu Pertanian Dan Perikanan*, 2(2): 127-133.
- Buerah Tunggak, Hamimah Abu Naim, & Shanah Ngadi. 2015. Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7(2): 11-30.
- Cain, M. C. 2020. The Effects Of Prior Victimization On Delinquency Type Among Justice Involved Youth. *An International Journal Of Evidence-based Research, Policy And Practice*, 16(6): 771-795.
- Che Nidzam Che Ahmad, Lilia Halim & Kamisah Osman. 2010. Hubungan Ramalan Persekutaran Pembelajaran Makmal Sains Dengan Tahap Kepuasan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 19-30.
- Chua, Y. P. 2016. *Mastering Research Methods*. New York: Penerbit MC Graw Hill.

- Dayang Suaad Serbini, Dayang Tiawa Awg Hamid, Hanan Aziz, Hayatuddin Moksin, Mas Nooraini Mohiddin, Nurzakiah Ramlee. 2022. Faktor Kehamilan Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja Di Negara Brunei Darussalam. *Proceeding Borneo Islamic International Conference EISSN 2948-5045, 13*, hal. 153-160.
- Dubey, S.K, Shailja, D, Gaytri, T, & Verma, A.K. 2022. Socio-economic And Family Factors Attributing Enhanced Juvenile Delinquency: A Review. *Indian Journals*, 17(4): 1093-1097.
- Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. 2019. Ketidakfungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal: Suatu Kajian Awal. *Global Journal Al-Thaqafah*, 9(3): 79-93.
- Fariza Khalid & Nur Hafizah Razali. 2021. Penggunaan Aplikasi Mudah Alih Dalam Pembelajaran Matematik Bagi Pelajar Sekolah Menengah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 6(6): 73-86.
- Fauzah Hanis Hamdan & Rohaizat Ibrahim. 2023. Isu Dan Cadangan Penggunaan Telefon Pintar Bagi Kesejahteraan Emosi Kanak-kanak Masalah Pembelajaran: Suatu Pandangan Ibu Bapa. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(2): 13-17.
- Garg, T & Sharma, U. 2020. Juvenile Delinquency Causes And Prevention. *International Research Journal Of Commerce Arts And Science*, 11(3): 47-54.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Glover, R. J. 1997. Relationships In Moral Reasoning And Religion Among Members Of Conservative, Moderate, And Liberal Religious Groups. *The Journal Of Social Psychology*, 137(2): 247-255.
- Halimaton Sa'adiah Ariffin, Shaharudin Ismail & Zul Hilmi Abdullah. 2023. Media Sosial Sebagai Medium Penyebaran Maklumat Dalam Menerajui Sains Islam Di Persada Antarabangsa. *E-Prosiding (Kertas Kerja Penuh) Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains SAIS 2023*: 30-39.
- Harziah Ahmad Hanif & Nur Hazwani Nerrahim. 2022. Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Telefon Pintar Sebagai Alat Pembelajaran. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi, Sains Dan Sosial*, 8(1): 141-148.
- Heng, P. H. 2020. Perilaku Delinkuensi: *Pergaulan Anak Dan Remaja Dintinjau Dari Pola Asuh Orang Tua*. Yogyakarta: Penerbit Andi.
- Hoeben, E. M, Osgood, D.W, Siennick, S.E, & Weerman, F. M. 2021. Hanging Out With Wrong Crowd? The Role Of Unstructured Socializing In Adolescent's Specialization In Delinquency And Substance Use. *Jurnal Of Quantitative Criminology*, 37: 141-177.
- Hoffman, J. P., Dufur, M. J., & Thorpe, J. D. 2020, October 6. Family Social Capital and Delinquent Behavior in the United Kingdom. *Social Science*, 9(178): 1-15.
- Hua, A. K. 2016. Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJHHS)*, 1(2): 17-24.
- Ida Lestari. 2021. Konsep Pendidikan Akhlak Berbasis Pembiasaan Dan Relevensinya Dengan Pendidikan Indonesia (Studi Pemikiran Al-Ghazali). Tesis Sarjana. Fakultas Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri (Lain) Curup, Bengkulu Indonesia.

- Irola, D & Kalifia, A. D. 2024. Aspek Perkembangan Kognitif Pada Masa Remaja. *Jurnal Pendidikan Sosial Humaniora*, 3(1): 128-133.
- Iwan, I, Mubarok, A, & Suklani, S. 2024. Pencegahan Toxic Game Mobile Legend Dalam Mendukung Program Remaja Yang Bersosial Dan Spiritual Masjid al-Muttaqin Kelurahan Karyamulya Kota Cirebon. *Jurnal Pendidikan Tambusi: Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Pahlawan*, 8(1): 11433-11442.
- Jamal Nordin Yunus & Wan Hanum Suraya Wan Mohamed. 2016. Tahap Strategi Pembelajaran Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Perak. *ResearchGate*, 2: 1-25.
- Joyce, M., Kalpidou, M., Popores, C & Volungis, A. M. 2019. Smartphone Addiction And Its Relationship With Indices Of Social-Emotional Distress And Personality. *International Journal Of Mental Health And Addiction*, 8: 1220-1229.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2013. Halatuju Sektor Pembangunan Kemanusiaan. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairul Anwar Abdullah. 2023. Layanan Bimbingan Dan Konseling Untuk Menangani Kenakalan Pelajar Asrama: Penelitian Deskriptif Di Sekolah Menengah Agama Negeri Tambunan Sabah Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Islam Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia.
- Li, S. D, Liu, T. H & Xia, Y. 2022. A Comparative Study Of Parenting Practices And Juvenile Delinquency Between China And United States. *Journal Of Deviant Behavior* 44(4): 636-651.
- Mahanta, R & Mohan, V. 2023. Smartphone Addiction Culminating Into Youth Deviance: A Sociological Study. *International Journal Of Society And Education*, 1(2): 28-50.
- Mahizer Hamzah, Nazaruddin Abdul Hadi & Norkumalasari Othman. 2020. Pengesahan Instrumen Kesediaan Guru Dan Kesediaan Teknologi Terhadap Penggunaan Telefon Pintar Dalam Kalangan Guru Reka Bentuk Teknologi Sekolah Menengah: Analisis Faktor Penerokaan (EFA). *Journal Of ICT In Education (JICTIE)*, 7(2): 27-39.
- Manisah Mohd Ali & Shin, T. L. 2020. Penggunaan Telefon Pintar Dan Tahap Nomofobia Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Khas Di Sekolah Menengah. *Geografia; Malaysian Journal Of Society And Space*, 4(14): 164-178.
- Mazulizam Ismail. 2016. Kesan Penyalahgunaan Media Sosial Terhadap Perubahan Sikap Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Literatur. *Academia. Edu*: 507-513.
- Mohamed Hamdan Mohamad Ibrahim, Mohd Zamri Mohd Zain, & Suhaily Mat Rudin. 2022. Kesan Penggunaan Gajet Di Kalangan Rakan Sebaya Ke Atas Potensi Kecenderungan Pelajar. *Journal Of Education And Social Sciences*, 20(1): 99-105.
- Mohammad Akram. 2024. A Study Of Some Recent Developments In The Rising Rate Of Delinquent Behavior In Malaysia (2007) 7 MLJ xxxvii. *Malayan Law Journal Articles*, 1-10.
- Mohammad Rahim Kamaluddin. 2021. Penerokaan Kefungsian Keluarga Dalam Kalangan Banduan Muda Lelaki Malaysia: Satu Kajian Kualitatif. *Malaysian Journal Of Society And Space (Geografia)*, 17: 235-247.
- Mohd Alif Jasni, Noralina Omar, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2022. Penerokaan Bentuk Kebergantungan Dan Aksesibiliti Telefon Bimbit Dalam

- Kalangan Gelandangan Menurut Perspektif Model Tam Dan Teori Ketergantungan Media. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKOB)*, 10: 29-48.
- Mohd Manawi Mohd Akib & Nurul Shuhadah Md Yahya. 2023. Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko. *Al-Turath: Jurnal Al-Quran Dan Al-Sunnah*, 8(2): 1-12.
- Mohd. Nuri Mustafa. 2016. Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(2): 10-34.
- Mohd. Zaki Ishak & Sarimah Baco. 2021. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Ungkapan Algebra Tingakatn Dua. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*, 6(11): 127-137.
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. 2023. Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baru Dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 15: 24-37.
- Muslihin, H. Y, Rahman, T & Rosyani, R. 2022. Pengaruh Kepedulian Orang Tua Terhadap Perkembangan Kognitif Anak Berdasarkan Analisis Pola Pengasuhan. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 7(2): 157-167.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2021. Orientasi Kerohanian Islam Dalam Kalangan Murid Bermasalah Disiplin. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3): 48-59.
- Noor Suhaily Musleh & Suzyiana Mamat. 2023. *Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Menengah Pasir Gudang 1, Johor*. Melaka: Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka.
- Norfadilah Abdul Rahman. 2010. Pembangunan Insan Menurut Al-Muhasibi Dan Kaitannya Dengan Gejala Sosial Masa Kini. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Sri Rahayu. 2021. Analisis Penggunaan Gadget Pada Anak Usia Dini. *Jurnal Paud Agepedia*, 5(2): 202-2011.
- Nurul Amalina Rosdi Anuar. 2016. Implikasi Penggunaan Telefon Bimbit Di Bilik Kuliah Dalam Kalangan Pelajar Komunikasi UPM. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nurul Husna Morad & Zirwatul Aida Ibrahim. 2022. Ketagihan Telefon Pintar Dan Ketagihan Internet Sebagai Peramal Kepada Hubungan Sosial Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu. *Universiti Malaysia Terengganu Journal Of Undergraduate Research*, 4(2): 3-74.
- Nurul Najwa Mansor & Atini Alias. 2020. Hubungan Antara Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Lokman Kuala Lumpur. *Prosiding Sains Sosial Pemangkin Kesejahteraan Komuniti: Seminar Kebangsaan Sains Sosial 2.0 (SKSS 2.0)*, Fakulti Sains Sosial: Kolej Universiti Islam Melaka, hal. 36-42.
- Rosmadi Mohd Daud. 2015. *Adolescent Psychology Juvenile Delinquency In Malaysia*. Penerbit Open Universiti Malaysia (OUM): Fakulti Sains Sosial Gunaan (FASS).
- Ruhaiza Padzil. 2021. Pengaruh Kompetensi Moral Dan Kelaziman Sosial Sebagai Moderator Ke Atas Hubungan Di Antara Kecenderungan Kerohanian Islam Dengan Atmosfera

- Moral Terhadap Kecenderungan Tingkah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. Tesis Dr. Fal.. Universiti Utara Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2008. Pendekatan Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy Menurut al-Ghazali: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Sumayah Mohd. Saufian & Zanaton, H. Iksan. 2017. Mobile Learning: Innovation In Teaching And Learning Using Telegram. *International Journal Of Pedagogy And Teacher Education*, 1(1): 19-27.
- Sunshen Huang, Xiaoxiong Lai, Yajun Li, Yuhan Luo & Yun Wang. 2021. Understanding Juveniles' Problematic Smartphone Use And Related Influencing Factors: A Network Perspective. *Journal Of Behavioral Addictions*, 10(3): 811-826.
- Tekkam, S.D., Bala, S. & Pandve, H. 2021. Consequence Of Phubbing On Psychological Distress Among The Youth Of Hyderabad. *Medical Journal Of Dr. D. Y. Patil Vidyapeeth*, 13(6): 641-648.
- Tuncay, N. 2016. Smartphones As Tools For Distance Education. *Online Submission*, 6(2): 20-30.
- Williams, A. 2020, March 5. Early Childhood Trauma Impact On Adolescent Brain Development, Decision Making Abilities, And Delinquent Behaviors: Policy Implications For Juveniles Tried In Adult Court Systems. *Juveniles Family Court Jounal*, 71(1): 5-17.
- Yokhanah, P. 2021. Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan Dengan Masalah Delinkuen Murid Tahap Dua Di Bandar Masai. Tesis Sarjana. Pendidikan Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Zidni Nuran Noordin. 2018. Rawatan Kerohanian Dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Bermasalah. Disertasi Sarjana Muda. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.